

31 DEC 1999

Cuepacs-Ayam

PEMULAUAN AYAM BUKAN TINDAKAN TERGESA-GESA

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik langkah kerajaan untuk mengkaji semula harga siling ayam RM6 sekilogram selepas Tahun Baru Cina pada Februari depan.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata harga siling ayam sepatutnya ditetapkan pada kadar yang berpatutan iaitu RM5.40 sekilogram dan beliau yakin masalah ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak berkenaan secara bersama.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Barang-barang Perlu semalam, berkata harga siling baru kelak boleh jadi lebih tinggi atau rendah daripada RM6 sekilogram, sesuai dengan keadaan.

Menyentuh mengenai nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pemulauan ayam daging yang dilancarkan Cuepacs dan tiga pertubuhan lain mulai 23 Dis lepas agak tergesa-gesa dan boleh menjejaskan peniaga kecil ayam daging, Subramaniam berkata langkah itu tidak bertujuan menyusahkan peniaga kecil.

"Kita mahu keuntungan pergi ke peniaga kecil. Apa yang kita tak mahu satu dua orang menguasai pasaran ayam daging," katanya.

"Kita tidak setuju harga ayam berbeza-beza antara satu tempat dengan yang lain. Ada peniaga yang menjual pada harga RM5.20 sekilogram tetapi ada peniaga seperti di Pasar Taiping hari ini menjual pada harga RM5.80 sen sekilogram," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata pemulauan ayam bukan tindakan yang tergesa-gesa kerana pihaknya telah mengambil kira kesannya terhadap peniaga kecil.

"Kajian kami mendapati sekiranya ayam bersih dijual pada harga RM5.40 sekilogram, peniaga di pasar akan memperolehi keuntungan berpatutan sebanyak 70 sen bagi sekilogram atau RM1.50 bagi seekor ayam," katanya.

Beliau berkata kempen memulau ayam tidak akan menjejaskan pendapatan peniaga kecil kerana pemulauan itu hanya akan dijalankan sekiranya harga ayam bersih melebihi RM5.40 sekilogram.

Selain MTUC dan Cuepacs, turut menyertai pemulauan itu ialah Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

Katanya, MTUC juga menerima banyak panggilan daripada pengusaha restoran dan gerai makanan, yang meminta supaya kempen memulau ayam diteruskan.

"Peniaga terbabit memaklumkan bahawa mereka terpaksa menaikkan harga makanan sekiranya harga ayam melebihi RM5.40 sekilogram," katanya.

Beliau berkata kenaikan harga makanan itu akan menimbulkan masalah kepada golongan berpendapatan rendah yang merupakan pelanggan utama restoran dan gerai makanan terbabit.

Menurutnya, kenaikan harga ayam tidak akan menguntungkan peniaga kecil, sebaliknya ia hanya akan menguntungkan orang tengah yang membeli ayam dengan harga murah di ladang dan menjualnya semula dengan harga mahal kepada peniaga kecil.

Zainal berkata pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin Selasa ini bagi membincangkan secara lebih mendalam mengenai kenaikan harga barangan asas di pasaran.

-- BERNAMA

ZKS NY AKD